

17 OCT 2001

Isa-Projek

1,292 PROJEK BERNILAI RM43.3 JUTA KEPADA KONTRAKTOR KELAS F

SEREMBAN, 17 Okt (Bernama) -- Sebanyak 1,292 projek kecil bernilai RM43.3 juta telah diberikan kepada kontraktor kelas F di negeri ini setakat ini, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata peruntukan itu adalah daripada RM47 juta yang diberikan kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri dalam pakej ransangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Bagi RM3.7 juta yang masih tinggal, kita telah kenal pasti projek-projeknya dan akan diberikan kepada kontraktor yang berkemampuan tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan surat tawaran kerja bagi projek kecil di sini hari ini.

Pada majlis itu kira-kira 650 kontraktor kelas F dari seluruh negeri ini diberi surat tawaran masing-masing.

Menteri Besar berkata semua kerja projek kecil di bawah RM100,000 itu perlu disiapkan selewat-lewatnya 31 Dis ini.

Ketika ditanya sama ada beliau yakin dengan kemampuan kontraktor terbabit menyiapkan kerja dalam jangka tempoh yang diberikan, Mohamed Isa berkata: "Kita yakin mereka boleh melakukannya dan sekiranya mereka tidak mampu melakukan kerja itu, lain kali kita tak beri dia projek lagi."

"Saya turut menggesa kontraktor-kontraktor terbabit menjalin hubungan erat dan persefahaman antara satu sama lain untuk menjayakan projek yang diberikan. Kalau satu kontraktor masih belum dapat menyiapkan kerja yang diberikan, kontraktor yang lain boleh tolong supaya semua kerja siap mengikut jadual," katanya.

Beliau berkata kebanyakan projek itu adalah di daerah Kuala Pilah dan Jempol.

Beliau juga menyatakan bahawa sebanyak RM14 juta telah diperuntukkan bagi 177 projek menaik taraf dan 102 projek menyenggara jalan di negeri ini.

Dalam perkembangan lain, semasa ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri hari ini, Mohamed Isa berkata beliau telah mengarahkan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohd Ali Abdul Samad untuk mendapatkan maklumat sama ada alat pemancar telekomunikasi yang dipasang di bangunan memberi kesan terhadap kesihatan manusia.

"Pada masa ini kita tak pasti sama ada ia benar-benar menjejaskan kesihatan atau tidak kerana banyak pendapat yang berbeza mengenai perkara itu," katanya.

-- BERNAMA

APG NMO